

Kereta api elektrik ekspres utara-selatan

Oleh OMAR SHUIB dan ISHAK SALLEH

U.M. 14 JUN 1994

MELAKA 13 Jun — Kerajaan merancang untuk mengadakan perkhidmatan kereta api elektrik ekspres dari Bukit Kayu Hitam, Kedah ke Singapura, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

“Perdana Menteri berkata, cadangan itu dibuat bagi memenuhi keperluan pengangkutan yang pantas kepada orang ramai.

Menurut beliau, kerajaan telah membuat keputusan untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi projek itu dan telah menerima tawaran dari beberapa buah negara termasuk Perancis.

“Perancis telah menawarkan untuk membuat kajian tersebut yang akan memakan masa antara enam bulan hingga satu tahun.

“Sekiranya pihak Perancis tidak menawarkan diri untuk kajian itu, kerajaan sememangnya mempunyai hasrat untuk berbuat demiki-

an,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sebuah kilang besi keluli, Ornasteel Enterprise Corporation Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Ayer Keroh di sini.

Rancangan itu adalah lanjutan daripada pewujudan perkhidmatan kereta api elektrik dari Seremban ke Rawang melalui Kuala Lumpur dan dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Klang di bawah sistem landasan berkembar sekarang.

Perdana Menteri memberitahu, di bawah projek Singapura-Bukit Kayu Hitam itu, kerajaan berpendapat laluan kereta api elektrik itu akan menggunakan landasan yang sedia ada. Bagaimanapun kemungkinan beberapa laluan-nya terpaksa diluruskan bagi membolehkan kereta api itu bergerak pantas.

“Kita terpaksa meluruskan laluan itu, kalau

■ Lihat muka 2

Kereta api elektrik ekspres utara-selatan

tidak, ia tidak boleh pergi dengan pantas. Oleh itu, landasan yang sedia ada terpaksa diubahsuai termasuk diluruskan," katanya.

Bagaimanapun, kerajaan masih belum menentukan siapakah yang membuat pelaburan bagi projek kereta api itu.

"Sekarang kita serahkan kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM), mungkin pelaburan dibuat oleh KTM, mungkin juga kerajaan membuat pelaburan dan selepas itu kita tawar pindah kepada KTM... itu terpulanglah," katanya.

Mahathir menyifatkan langkah kerajaan untuk mewujudkan perkhidmatan kereta api elektrik ekspres itu adalah untuk memberikan kemudahan kepada rakyat negara ini yang kian bertambah.

Katanya, keperluan pengangkutan jenis itu adalah sangat berkesan seperti yang dapat dilihat penggunaannya di negara maju seperti Jepun dan negara membangun seperti India.

"Kerajaan sedar rakyat memerlukan lebih banyak perkhidmatan pengangkutan supaya mereka boleh memilih jenis pengangkutan yang mereka perlukan pada satu-satu masa sesuai dengan keperluan masing-masing.

"Penduduk Malaysia kian bertambah, mereka kian mewah dan mereka hendak segala kemudahan yang

ada. Ada masanya mereka akan menggunakan kereta, ada masanya akan terbang dan ada masanya mereka akan menggunakan kereta api," katanya.

Dr. Mahathir berkata, di negara lain seperti Jepun dan Eropah, rakyat negara berkenaan mempunyai pilihan sama ada menggunakan jalan raya, kapal terbang atau kereta api.

Katanya, beliau belum meletakkan sasaran mengenai bila perkhidmatan itu dapat diwujudkan tetapi menjangkakan bahawa projek itu akan memakan masa yang lebih lama daripada pembinaan lebuh raya.

Sebelum itu, Perdana Menteri menimbulkan secara sepintas lalu mengenai rancangan mewujudkan perkhidmatan kereta api elektrik itu ketika berucap merasmikan upacara pecah tanah bagi Bandar Teknologi Komposit di Batu Berendam di sini pagi ini.

Perkara itu timbul apabila beliau secara berjenaka menjawab permintaan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang meminta Kerajaan Persekutuan melebarkan Lapangan Terbang Batu Berendam sesuai dengan pembangunan kawasan itu sebagai bandar pusat industri penerbangan.

Secara berseloroh, beliau berkata, Melaka tidak lagi perlu melebarkan lapangan terbangnya kerana perjalanan menggunakan lebuh raya adalah lebih cepat daripada menggunakan kapal terbang untuk ke negeri ini.